

# Liong Sik letak jawatan

BH 23 MAY 2000

Oleh Zulkifly Jamaluddin, Ebi Azly Abdullah, Munaarfah Abu Bakar dan Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini membuat keputusan apabila menyatakan hasratnya untuk melepaskan jawatan Menteri Pengangkutan.

Perkara itu dimaklumkan oleh Dr Ling kepada Majlis Presiden MCA dan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang bermesyuarat hari ini. Bagaimanapun, majlis berkenaan sebulat suara merayu beliau supaya menimbang semula keputusan itu.

Ketika ditemui pemberita di pejabatnya petang ini, Dr Ling berkata surat peletakan jawatannya itu dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu dan beliau sudah berbincang dengan Perdana Menteri mengenai perkara itu.

“Saya sudah buat keputusan dan tidak ada sebarang perubahan mengcnainya. Saya sudah

- Serah surat kepada Perdana Menteri minggu lalu.
- Alasan untuk beri peluang kepada pemimpin muda.
- Majlis dan CWC MCA mohon beliau tarik balik keputusan.

menghantarnya (surat) minggu lalu,” katanya.

Dr Mahathir yang ditemui petang ini berkata, beliau tidak boleh menghalang jika keputusan Dr Ling itu sudah muktamad, tetapi akan memintanya untuk menimbang semula keputusan itu.

“Saya akan cuba meminta beliau menimbang semula keputusannya. Sama ada ia diterima oleh MCA atau tidak itu satu perkara

lain. Sudah tentu keputusan muktamad terletak pada beliau (Dr Ling),” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Konvensyen Pengedar MEC di sini.

Dr Mahathir juga berkata, beliau belum menerima peletakan jawatan Presiden MCA itu yang dijadual menemuinya hari ini.

“Saya belum (membuat keputusan) menerimanya lagi, tetapi saya terpaksa menimbangkan-

nya,” katanya sambil menambah bahawa Dr Ling meiakukan tugasnya dengan baik, khususnya dalam meningkatkan penggunaan pelabuhan tempatan.

Ditanya apakah keputusan itu boleh menjejaskan persiapan Barisan Nasional (BN) untuk menghadapi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang, Dr Mahathir berkata keputusan itu tidak memberi kesan kepada BN secara keseluruhan.

Beliau juga berkata, peletakan jawatan Dr Ling mungkin berpunca daripada hasratnya untuk memberi peluang kepada pemimpin muda di dalam parti itu.

“Beliau merasakan dengan memberikan laluan kepada pemimpin muda, MCA akan lebih kuat,” katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Dr Ling sebagai Presiden parti itu selepas tidak lagi menjawat

iawatan Kabinet. Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada Dr Ling akan terus menjadi Presiden MCA atau tidak.

“Saya akan menemui Dr Ling untuk mengetahuinya. Jika berlaku begitu kita tidak boleh membuat apa-apa,” katanya.

Mengenai rombakan Kabinet, Perdana Menteri berkata beliau perlu melantik seorang menteri baru jika Dr Ling tidak ada lagi dalam Jemaah Menteri.

“Kecil atau besar (rombakan) itu, saya tidak tahu. Saya belum memikirkan mengenai soal itu,” katanya.

Ini adalah kali kedua Dr Ling meletakkan jawatan dalam Kabinet, selepas melepaskan jawatan Timbalan Menteri Kewangan pada Mac 1984 berikutan pemecatannya daripada MCA.

LIHAT MUKA 4

## Mesyuarat rayu Dr Ling timbang keputusan

DARI MUKA 1

BH 23 MAY 2000

Walaupun tiada penjelasan rasmi diberi, penganalisis politik berpendapat Dr Ling menerima tekanan daripada akar umbi MCA berikutan isu jumlah pemimpin parti yang menganggotai Kabinet, sedangkan parti itu mencapai kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum lalu.

Berita Harian difahamkan, pemimpin MCA itu juga kecewa kerana gagal mendapatkan kedudukan penting untuk

parti itu di Pulau Pinang, walaupun memiliki jumlah kerusi yang lebih besar berbanding Gerakan.

Dr Ling yang menjadi menteri Kabinet selama 14 tahun, memaklumkan kepimpinan MCA bahawa beliau menjadi menteri untuk tempoh yang lama dan berasakan masanya sudah tiba untuk bersara.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden lebih empat

jam, Timbalan Presiden parti, Datuk Lim Ah Lek berkata majlis dan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) parti terkejut dan sedih dengan pengumuman tergegar Dr Ling itu.

“Mesyuarat sebulat suara merayu beliau menimbang keputusan itu kerana kami berasakan sumbangannya sebagai menteri kanan mewakili masyarakat Cina dan parti, sukar diganti.” katanya dalam kenyataan

bertulis yang dibacakan kepada media massa.

Lim berkata, Majlis Presiden MCA turut melahirkan keyakinan penuh bahawa menerusi kepimpinan an Dr Ling, masalah dalam parti boleh diselesaikan dengan baik.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut walaupun diminta memberi penjelasan oleh wartawan pada sidang akhbar itu.

Sementara itu Datuk Seri Dr Ling Liong Sik terus merahsiakan sebab sebenar beliau meletakkan jawatan, walaupun soalan itu beberapa kali ditanya wartawan, hari ini.

“Ia tidak perlu dimaklumkan. Saya di sini bukan untuk berdebat mengenainya,” katanya yang ditemui pemberita di pejabatnya di Kementerian Pengangkutan di sini, petang ini.

Ditanya sama ada beliau

sudah membincangkan mengenai peletakan jawatannya dengan Perdana Menteri, Dr Ling berkata: “Kami mengadakan perbincangan yang menarik. Saya pergi dalam mood yang baik kerana sudah sampai masanya bagisaya untuk berbuat demikian.”

Terdahulu, beberapa pemimpin MCA menemui Dr Ling dalam usaha memujuk Presiden MCA itu agar menarik batik keputusannya.